

PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN U29

Kumpulan : Pelaksana/ Skim Perkhidmatan Bersepadu
 Kem/Jab : Institut Sukan Negara
 Taraf : Kontrak
 Jadual Gaji :

Gred	Minimum	Maksimum	Kenaikan Gaji Tahunan
U29	RM1,797.00	RM5,753.00	RM145.00

Syarat Lantikan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - (i) Diploma dalam bidang pembantu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta berdaftar dengan Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia.
 - (ii) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
2. **Kelayakan Tambahan**
 - i. Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai "*Post Basic*" dalam bidang Perubatan Sukan.
 - ii. Diploma lanjutan dalam bidang Perubatan Sukan/ Perubatan Kecemasan/ Ortopedik merupakan satu kelebihan
 - iii. Mempunyai pengalaman bekerja lebih 3 tahun sebagai Penolong Pegawai Perubatan.
 - iv. Mempunyai pengetahuan yang baik dalam bidang disiplin berkaitan Perubatan Sukan.
3. **Tugas dan Tanggungjawab**
 - i. Membantu Pegawai Perubatan dalam menjalankan tugas-tugas perubatan seperti rawatan perubatan, prosedur dan diagnosis penyakit seperti ECG dan "*Ultrasound*".
 - ii. Merekod, menjaga dan memastikan alat dan peralatan perubatan sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan berfungsi.

- iii. Memastikan bekalan peralatan perubatan sentiasa mencukupi.
- iv. Menjalankan dan mengendalikan tugas-tugas di luar pejabat seperti Kem Latihan, Kem Tunas Cemerlang dan perlindungan perubatan untuk kejohanan tempatan dan antarabangsa.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- 1. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan Salinan rekod perkhidmatan yang dikemaskini.
- 2. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN**:
 - i. Kad Pengenalan;
 - ii. Sijil SPM/MCE, HSE/STPM atau setaraf;
 - iii. Diploma/ Diploma lanjutan dalam bidang berkaitan, (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci);
 - iv. Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/ terdahulu untuk mengambilkira pengalaman kerja / penetapan gaji;
 - v. Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan Kerajaan/ Badan Berkanun/ Separa Kerajaan yang sedang berkhidmat); dan
 - vi. Salinan Sijil Pendaftaran Penuh & Sijil Amalan Tahunan (Majlis Perubatan Malaysia).
- 3. Hanya permohonan yang ditapis-senarai akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon yang dipanggil **TEMUDUGA** perlu membawa dokumen-dokumen asal untuk diserahkan kepada setiausaha temuduga.
- 4. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan daripada pihak ISN selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.